



KENYATAAN MEDIA

BACAAN KALI PERTAMA RANG UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK (PINDAAN) 2015

KUALA LUMPUR, 2 DISEMBER – Rang Undang-undang Kanak-kanak (Pindaan) 2015 dibacakan kali pertama di Dewan Rakyat pada hari ini.

Setelah 13 tahun Akta Kanak-kanak 2001 [Akta 611] dilaksanakan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mencadangkan pindaan kepada Akta tersebut dengan mengambilkira isu-isu semasa yang berkaitan dengan kanak-kanak seperti peningkatan kes kecuaihan ibu bapa dalam penjagaan kanak-kanak.

Empat (4) perkara utama yang diberikan perhatian dalam Rang Undang-Undang ini adalah:

- (i) **Hukuman sebatan** kepada kanak-kanak yang melakukan kesalahan jenayah yang dilaksanakan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak (MBKK) dimansuhkan.
- (ii) **Perintah Khidmat Masyarakat (CSO)** diperkenalkan untuk dilaksanakan oleh-
 - (a) kanak-kanak yang ada konflik dengan undang-undang (kanak-kanak yang melakukan kesalahan jenayah);
 - (b) pesalah dewasa (ibu bapa/penjaga) yang mendera atau mengabaikan kanak-kanak

Hukuman ini bertujuan supaya pesalah ini selain daripada dihukum dengan hukuman penjara dan denda boleh diberikan pemulihan atau rehabilitasi dengan melaksanakan atau melalui kerja komuniti, kaunseling dan program-program keinsafan dan keibubapaan.
- (iii) Penempatan kanak-kanak dalam **“Penjagaan Berasaskan Keluarga”** bagi kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan termasuk kanak-kanak yang menjadi mangsa dera, abai dan tidak terkawal. Mahkamah hendaklah memberi keutamaan kepada penjagaan berasaskan keluarga semasa mengeluarkan perintah perlindungan kepada

kanak-kanak. Perintah penempatan di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) hendaklah dijadikan pilihan terakhir melainkan untuk kepentingan kanak-kanak.

- (iv) Hukuman denda dan pemenjaraan dinaikkan termasuklah bagi kesalahan di bawah Seksyen 31 iaitu kesalahan mendera, mengabaikan dan menganiaya kanak-kanak dimana denda dinaikkan kepada RM50,000 dan hukuman penjara ditambah kepada 20 tahun.

Pindaan-pindaan tersebut akan dikuatkuasakan oleh pihak JKM, polis dan Jabatan Penjara setelah Rang Undang-Undang Kanak-Kanak (Pindaan) 2015 ini diluluskan oleh Parlimen.

Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] telah digubal bagi mengadakan suatu undang-undang yang khusus dan komprehensif mengenai kanak-kanak. Akta 611 diwartakan pada 2001 dan mula dikuatkuasakan pada 2002 .

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 35, Persiaran Perdana
PUTRAJAYA
Tel: 03-8323 1088 E-mel: info@kpwkm.gov.my